

Original Research Paper

Masalah Kecelaruhan Tingkah Laku: Masalah Ponteng Sekolah

Lukman Hakim bin Mohamad Amin¹, Muhamad Redha bin Abdul Hafiz¹, Muhamad Nazirul Asyraf bin Kamarulzalis¹, Abdul Hadi bin Ibrahim¹, Nursyuhada binti Mohd Taib¹, Nur Haziqah binti Ramlan¹, Mohd Razimi bin Husin¹

¹ Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Article history

Received:
20.04.2019

Revised:
25.05.2019

Accepted:
15.06.2019

*Corresponding Author:
Mohd Razimi Husin
Email:
razimi@fpm.upsi.edu.my

Abstract: School neglect is one of the more important disciplinary issues. There are a number of factors that cause students to experience school dropout symptoms which are caused by teachers, students, peers, and even parents which greatly influence the students involved with school dropout symptoms. This problem needs to be resolved immediately to prevent the emergence of many other adverse symptoms from stray behavior. The objectives of this study were to identify the causes of students' failure to attend school or to be called a skeptic, to identify the frequency of students involved in school dropout symptoms, to know in more detail ways to overcome school dropout symptoms is becoming more prevalent among schoolchildren, and exposes the repercussions and consequences that will come from school drop-offs. According to the findings from the interview, parental factors are the most important factor in controlling their children. Includes teachers as mentors of students in the school to help with the education or family issues faced by the student.

Abstrak: Ponteng sekolah merupakan salah satu masalah disiplin yang semakin ketara. Terdapat pelbagai faktor-faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah dimana ianya berpunca daripada guru, sikap pelajar, rakan sebaya dan juga ibu bapa dimana mereka banyak mempengaruhi pelajar-pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah. Masalah ini perlulah diatasi dengan segera bagi mengelakkan daripada timbulnya pelbagai gejala buruk yang lain rentetan daripada perilaku ponteng. Objektif kajian ini iaitu untuk mengenal pasti apakah punca-punca yang menyebabkan pelajar mengambil tindakan untuk tidak hadir ke sekolah atau dipanggil ponteng, untuk mengenal pasti kekerapan pelajar yang terlibat dalam gejala ponteng sekolah, mengetahui dengan lebih

kesan dan akibat yang akan diterima akibat daripada gejala ponteng sekolah. Dapatan kajian dari hasil temu bual, faktor ibu bapa ialah faktor yang utama sekali dalam mengawal anak – anak mereka. Termasuk guru juga, sebagai pembimbing pelajar – pelajar di sekolah dalam membantu berkaitan tentang pelajaran mahupun masalah keluarga yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Kata Kunci: Kecelaruhan, Tingkah Laku, Ponteng, Sekolah



1. Pendahuluan

Ponteng sekolah merupakan salah satu masalah disiplin yang semakin ketara. Terdapat pelbagai faktor-faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah dimana ianya berpunca daripada guru, sikap pelajar, rakan sebaya dan juga ibu bapa dimana mereka banyak mempengaruhi pelajar-pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah. Selain itu, faktor-faktor persekitaran sekolah, pengurusan sekolah dan prasarana sekolah juga boleh menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah. Guru-guru berpendapat bahawa faktor sikap pelajar yang malas merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah. Mereka juga menyarankan agar diadakan sesi kaunseling dan kem motivasi serta mengadakan program Ponteng Sifar sebagai cara untuk mengatasi masalah ponteng sekolah.

Sebenarnya, punca utama wujudnya amalan ponteng sekolah adalah disebabkan oleh keruntuhan institusi keluarga seseorang pelajar itu. Timbulnya pertelingkahan antara ibu dan bapa menyebabkan anak-anak mereka tidak dihiraukan. Segala tindak-tanduk anak-anak mereka di luar rumah dan di sekolah tidak diambil berat. Ketandusan kasih sayang dan ledakan tekanan pada diri seseorang pelajar datang daripada keluarga bermasalah akan menyebabkan mereka cuba ponteng sekolah. Ini menunjukkan keruntuhan institusi keluarga mempengaruhi masalah disiplin di kalangan pelajar terutamanya masalah ponteng sekolah.

Dalam sesebuah keluarga yang mempunyai ibu bapa yang bersikap materialistik seumpamanya, amalan untuk mengambil berat kebajikan dan keperluan anak-anak telah diambil alih oleh sikap yang ingin mengejar kebendaan semata-mata. Anak-anak mereka dipinggir dan kasih sayang yang sepenuhnya tidak diberikan. Jadi tidak hairanlah jika anak-anak memilih untuk ponteng sekolah dan bergaul dengan rakan-rakan luar sekolah yang dianggap lebih rapat dengan mereka.

Ponteng merupakan satu masalah yang telah diperdebatkan sejak tahun 70-an lagi. Masalah ponteng ini dihadapi oleh semua sektor pengajian tidak kira diperingkat rendah, menengah mahupun diperingkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Masalah ponteng merupakan masalah yang sering melanda pelajar dipelbagai peringkat bermula dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat yang paling tinggi iaitu Institusi Pengajian Tinggi.

Kebanyakan pelajar yang terlibat dengan ponteng sekolah datangnya dari sekolah-sekolah yang terletak di pinggir-pinggir bandar. Pelajar-pelajar yang tinggal di pinggir bandar seringkali menghadapi masalah dari segi persekitaran tempat tinggal, sosioekonomi keluarga dan pergaulan antara rakan-rakan. Kebanyakan ibu bapa mereka berpendapatan rendah dan tidak dapat menyediakan perbelanjaan yang mencukupi untuk menampung bilangan anak yang ramai. Jadi untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh ibu bapa mereka, ada pelajar yang sanggup berhenti sekolah dan bekerja bagi mendapatkan wang untuk perbelanjaan harian mereka.

Remaja sememangnya mudah terikut dan terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti yang tidak biasa mereka lakukan. Kebanyakan remaja mudah merasa tertekan dan terkongkong apabila mereka berada di rumah mahupun di sekolah. Bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi, mereka lebih suka bersendirian dan mengambil keputusan untuk lari dari suasana sekolah ataupun bergiat dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Selain itu ada juga pelajar yang lebih suka menghabiskan masa dengan melepak dan bergaul dengan remaja-remaja yang tidak bersekolah lagi. Masalah ponteng tidak boleh dipandang remeh kerana kemungkinan pelajar yang ponteng akan dipergunakan oleh anasir-anasir negatif untuk melakukan sesuatu yang membahayakan masyarakat. Masalah ini perlulah diatasi dengan segera bagi mengelakkan daripada timbulnya pelbagai gejala buruk yang lain rentetan daripada perilaku ponteng. Bagi mengurangkan masalah ini, langkah pertama yang perlu dicari ialah punca dan faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ponteng sekolah seterusnya mencari cara-cara untuk mengatasinya.

Ponteng sekolah merupakan satu masalah disiplin yang semakin serius di kalangan pelajar sekolah menengah. Masalah-masalah disiplin yang lain akan timbul sekiranya masalah ponteng ini tidak dibendung dan dikawal. Hal sedemikian akan berlaku disebabkan pelajar yang ponteng akan menggunakan masa tersebut dengan melibatkan diri dalam perkara-perkara yang tidak senonoh. Mereka akan diperalatkan oleh kumpulan anasir-anasir yang jahat seperti kumpulan Mat Rempit. Apabila mereka telah terjebak dalam kumpulan ini mereka akan melibatkan diri dalam kes curi motosikal dan lumba haram. Perlaksanaan rancangan program pendidikan negara akan terganggu sekiranya masalah disiplin pelajar ini terus berlaku.

Masalah ini seharusnya dibendung dengan secepatnya kerana jika masalah ponteng sekolah ini tidak diselesaikan dengan secepatnya, berkemungkinan para pelajar lain akan terikut-ikut untuk

melakukan hal yang sama. Untuk mendalami tentang masalah ini dengan lebih lanjut, pengkaji telah menemui seorang guru untuk mendapatkan pandangan beliau tentang apa punca yang telah menyebabkan masalah gejala sosial ini berlaku. Pengkaji telah menyiapkan beberapa soalan untuk diajukan kepada guru tersebut dimana kesemua soalan itu berkaitan dengan gejala ponteng sekolah.

Masalah salah laku ponteng sekolah bukan satu perkara baru dalam sector pendidikan di Malaysia. Masalah ini tidak pernah reda dibincangkan dari masa ke semasa, namun begitu masalah tetap menjadi masalah dan semakin serius. Laporan mengenai pelajar meninggalkan kelas ketika belajar adalah berita malang bagi generasi Malaysia masa kini yang dipertanggungjawabkan sebagai pemangkin negara. Terjadinya kes ponteng adalah disebabkan oleh banyak faktor. Namun faktor sekolah menjadi penyebab yang utama di atas permasalahan ini dan mengganggu suasana pembelajaran serta pencapaian sekolah. Mengikut Mahmood [1] pembelajaran yang berkesan datangnya dari suasana sekolah yang tenteram, kerana ketenteraman itu amat kritikal bagi melahirkan pencapaian yang baik di kalangan pelajar. Kewujudan suasana sekolah yang positif dari segi kemudahan sekolah, pengajaran guru, kedudukan sekolah dari aspek pengangkutan pelajar dan penguatkuasaan disiplin yang efektif menjamin pembelajaran yang berkesan dan mengurangkan kes-kes salah laku pelajar. Kajian yang telah pengkaji jalankan merangkumi objektif-objektif yang berikut:

1. Kajian ini telah dilaksanakan secara amnya untuk mengenal pasti apakah punca-punca yang menyebabkan pelajar mengambil tindakan untuk tidak hadir ke sekolah atau dipanggil ponteng.
2. Untuk mengenal pasti kekerapan pelajar yang terlibat dalam gejala ponteng sekolah.
3. Untuk mengetahui dengan lebih terperinci cara-cara untuk mengatasi gejala ponteng sekolah yang semakin berleluasa di kalangan pelajar sekolah.
4. Untuk mendedahkan kesan dan akibat yang akan diterima akibat daripada gejala ponteng sekolah.

Persoalan-persoalan di dalam kajian ini menyentuh aspek-aspek yang difikirkan perlu seperti:

1. Adakah pelajar kurang berminat terhadap pengajaran dan pelajaran di sekolah yang menyebabkan pelajar terlibat dengan kes ponteng sekolah?
2. Adakah kurangnya kasih sayang serta pemantauan daripada ibu bapa yang menyebabkan pelajar terlibat dengan kes ponteng sekolah?
3. Adakah pengaruh rakan sebaya yang menyebabkan pelajar terlibat dengan kes ponteng sekolah?
4. Adakah pelajar ingin mencari keseronokan yang menyebabkan pelajar terlibat dengan kes ponteng sekolah?
5. Adakah peraturan sekolah yang terlalu ketat yang menyebabkan pelajar terlibat dengan kes ponteng sekolah?
6. Adakah tekanan ekonomi yang menyebabkan pelajar terlibat dengan kes ponteng sekolah?

2. Sorotan Kajian

Kehadiran murid ke sekolah adalah suatu perkara yang amat dititikberatkan oleh pihak sekolah. Hal ini bagi memastikan murid di sekolah berkenaan tidak keciciran dalam subjek yang diajarkan di sekolah pada setiap hari. Namun, terdapat banyak murid sekolah yang memilih untuk melakukan gejala ponteng sekolah. Ponteng sekolah mencatatkan rekod tertinggi dalam salah laku disiplin pelajar sekolah sepanjang tahun 2017 yang meliputi 1.4 peratus bersamaan 67,053 pelajar daripada hampir lima juta orang murid [2]. Hal ini mengusarkan banyak pihak terutamanya pihak sekolah yang bertanggungjawab memberi didikan yang terbaik buat murid. Ponteng sekolah di kalangan remaja di Malaysia dan anggaran bilangan dari kajian kesihatan dan morbidity negeri dibentangkan pada Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat pengurangan masalah ponteng sekolah daripada keseluruhan murid sekolah di Malaysia antara tahun 2012 dan tahun 2017. Hal ini kerana terdapat beberapa buah negeri yang menunjukkan info yang positif terhadap isu ini seperti Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Pahang dan Sarawak. Namun demikian, terdapat juga beberapa buah negeri yang menunjukkan data peningkatan gejala ponteng sekolah ini seperti Negeri Sembilan, Pulau Pinang,

Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun, gejala ini masih mengungguli senarai paling tinggi dalam rekod salah laku disiplin pelajar di sekolah.

**Jadual 1. Ponteng sekolah di kalangan remaja di Malaysia:
Anggaran bilangan dari Kajian Kesihatan dan Morbiditi Negara**

Negeri	Ponteng Sekolah (Anggaran populasi)	
	2012	2017
Malaysia	693,234	630,101
Johor	78,966	66,742
Kedah	48,441	45,523
Kelantan	49,338	37,390
Melaka	20,183	16,593
N. Sembilan	23,000	27,621
Pahang	40,664	32,011
P. Pinang	26,714	27,265
Perak	75,434	59,089
Perlis	8,116	9,481
Selangor	129,317	116,104
Terengganu	39,870	35,368
Sabah & W.P. Labuan	63,254	72,626
Sarawak	59,710	49,584
W.P. Kuala Lumpur	28,978	32,681
W.P. Putrajaya	1,250	2,023

Menurut Azizi et al. [3] ponteng terdiri daripada empat jenis. Jenis yang pertama ialah ponteng sekolah, di mana pelajar yang melakukan masalah ponteng sekolah ini biasanya akan keluar dari rumah dengan memakai pakaian seragam sekolah tetapi mereka tidak sampai ke sekolah. Malahan, terdapat sesetengah daripada mereka yang akan berkeliaran dan melepak di pusat beli belah, kedai siber dan di rumah-rumah kosong yang agak terpencil. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka tidak tersasar dari jalan untuk menuju ke sekolah. Mereka hendaklah memantau pergerakan anak-anak mereka supaya tidak menuju ke tempat yang tidak sepatutnya.

Menurut Azizi et al. [4] kedatangan yang merosot ini boleh dilihat apabila pelajar beberapa kelas terpaksa digabungkan dan dijadikan sebuah kelas untuk memudahkan guru-guru. Walaupun kerja guru untuk menggabungkan kelas dapat memudahkan mereka, namun pada hakikatnya menunjukkan suatu perkara yang negatif dalam sektor pendidikan. Penyampaian ilmu secara menyeluruh kepada semua murid tidak tercapai dengan sebaiknya.

Menurut Ee [5] kegiatan melanggar salah laku disiplin bermula dari kaedah pengajaran guru iaitu dari segi penjelasan yang kurang lengkap, mutu suara yang kurang baik, ketiadaan ketekalan guru dan iklim kelas yang diwujudkan guru kurang menggalakkan. Guru seharusnya bijak dalam menarik perhatian murid agar mereka minat dalam pelajaran yang diajarkan olehnya. Strategi dan kaedah yang pelbagai mestilah disediakan dengan rapi supaya murid gemar untuk mengikuti pembelajaran oleh gurunya itu.

Kedudukan sekolah yang agak jauh menjadi masalah kepada pelajar dari segi pengangkutan. Masalah pengangkutan seperti bas yang lambat, tidak datang dan sering rosak menjadi alasan kepada pelajar untuk ponteng sekolah [6]. Peranan ibu bapa bagi memastikan kemudahan anak-anak mereka hendaklah diteliti dengan sebaiknya agar anak-anak mereka pergi ke sekolah dengan mudah. Jika mereka tiada kemudahan, maka minat mereka akan berkurangan kerana penat untuk ke sekolah terutamanya buat murid yang tinggal berjauhan dari sekolah.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa bagi memastikan anak-anak mereka untuk mudah pergi ke sekolah. Ibu bapa juga mestilah mengambil berat akan perkembangan anak-anak mereka sama ada dalam akademik, ko kurikulum dan disiplin. Kerjasama ibu bapa terhadap pihak sekolah bagi menjamin perkembangan anak murid mestilah dilakukan dengan serius bagi melahirkan anak bangsa yang maju serta berguna kepada masyarakat kelak.

3. Metodologi Kajian

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang dijalankan dalam penyelidikan. Ia akan menentukan ketetapan data yang diperolehi. Maklumat dari kajian yang dijalankan amat membantu dalam membuat keputusan. Bagi mendapatkan keputusan dan cadangan yang baik dalam perbincangan tentang isu ponteng sekolah yang melanda, pengkaji memberikan perhatian yang mendalam tentang penganalisis dan persembahan data mengenai tajuk ponteng sekolah. Oleh itu, dalam bab ini akan menerangkan perkara-perkara berkenaan dengan kaedah kajian yang digunakan, tata cara kerja, prosedur pengumpulan data, dan rumusan tajuk ini.

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kaedah pengumpulan data kualitatif iaitu data yang dikumpulkan melalui teknik-teknik seperti temu bual. Ini adalah bertujuan untuk membuat justifikasi kepada sesuatu keadaan iaitu masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah masa kini. Menurut Piaw [7] perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Melibatkan interaksi bersemuka antara penemubual dan responden. Goode & Hatt pula menyatakan proses sosial di mana penembual mesti mengambil perhatian tentang proses tersebut jika tidak timbul masalah kebolehpercayaan dan kedalaman data serta keputusan kajian.

Pemerhatian juga dilakukan oleh kumpulan ini melalui pemerhatian secara *non-participant observation*. Maksudnya adalah pengkaji tidak terlibat dalam aktiviti kumpulan tetapi hanya bertindak sebagai pemerhati pasif, melihat dan mendengar aktiviti-aktiviti yang berlaku dan membuat kesimpulan daripadanya. Melalui kaedah ini pengkaji memantau kejadian-kejadian viral yang berlaku di seluruh Malaysia berkaitan dengan masalah pelajar ponteng sekolah.

3.2. Sumber Dapatan Lain

Penggunaan teknologi seperti pencarian maklumat melalui jaringan internet dalam menjayakan kajian ini sangat memberi manfaat kepada kumpulan ini kerana pengkaji dapat perolehi pengetahuan lebih mengenai tajuk pengkaji serta tambahan dalam penulisan kajian dengan betul. Justeru, pengkaji dapat lebih mendalami tentang masalah yang dihadapi serta memahami kehendak keperluan pengkaji dalam menjalankan kajian sebegini sebagai contoh ada beberapa faktor yang menyebabkan masalah dalam kalangan remaja sering berlaku keatas mereka. Platform sebegini sangat membantu pengkaji dapat mengakses apa-apa maklumat mengikut kehendak pengkaji.

3.3. Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dibentangkan pada Jadual 2.

3.4. Prosedur Kajian

Sikranya perlu, pengkaji boleh mendapatkan surat pengesahan sebagai rujukan kepada guru-guru atau mana-mana pihak berkaitan menjalankan sedikit pencarian sumber untuk penambahan dapatan. Surat tersebut boleh didapati daripada Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.

3.5. Rumusan

Di dalam bab ini, kumpulan pengkaji telah menyatakan beberapa langkah yang telah digunakan untuk membuat kajian. Prosedur – prosedur yang telah dirancang di dalam bab tiga ini adalah bagi

memudahkan proses kajian dijalankan dan seterusnya kaedah mendapatkan data dapat memberi panduan serta petunjuk kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian ini dari awal hingga tamat.

Jadual 2. Prosedur Pengumpulan Data

TARIKH	MINGGU	AKTIVITI	CATATAN
10 Mac – 16 Mac 2019	1	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan ahli kumpulan refleksi isu/masalah ponteng sekolah • Perancangan perjalanan • Kerja dan pembahagian tugas. 	Tiada
17 Mac – 23 Mac 2019	2	Membuat tinjauan awal dan pemantauan secara menyeluruh mengenai pandangan tokoh, teori-teori serta kajian ilmiah	<ul style="list-style-type: none"> • Item masalah pelajar • Perkara-perkara lain
24 Mac – 30 Mac 2019	3	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan temu bual bersama cikgu yang berpengalaman • Mendapatkan pandangan dan idea 	Tiada
31 Mac – 6 April 2019	4	Menganalisis dan merekod semua data yang diperolehi dan menyiapkan laporan	Tiada

4. Hasil Temu Bual

Dapatan kajian diperoleh melalui temu bual. Hasil Temu bual dibentangkan sebagai berikut:

Nama Guru : Muhamad Fadhil Bin Ahmad
 Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan dan Kejurulatihan
 Graduan : Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
 Guru : Pendidikan Jasmani
 Berkhidmat : SMK Sila Bukan, Lahad Datu, Sabah
 Pengalaman : 5 Tahun
 Jawatan : Penolong Guru Disiplin SMK Sila Bukan
 Pengerusi Kelab Guru SMK Sila Bukan
 Ketua Panitia Pendidikan Jasmani SMK Sila Bukan

Luqman: “Adakah ponteng sekolah disebabkan oleh pelajar kurang berminat tentang pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau bagaimana yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah?”

Guru: “Pada pendapat saya, untuk keadaan pendidikan sekarang ini sudah mula beralih kepada sistem yang lebih orang kata penggunaan pembelajaran abad ke-21 kan. Jadi cara pembelajarannya itu agak berbeza daripada pembelajaran sebelum ini. Kalau nak kata berminat atau tidak itu bergantung kepada pelajar itu sendiri Kalau berminat biasanya pelajar bandar ini lebih berminat tapi bergantung juga lah, kalau pelajar di luar bandar ini sama juga, kadang-kadang di sekolah luar Bandar. Bandar ini

keadaan kelas dan keadaan sekolah, dari segi peralatan, dari segi kemudahan kemudahan mungkin kurang, jadi pembelajaran abad-21 ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Sebab sekarang ini kita pun tahu zaman moden, zaman teknologi gajet apa semua, dan kita belajar kebanyakan kita pakai LCD, pakai komputer. Tapi kalau pelajar yang di luar bandar, biasanya dia berminat tapi dengan keadaan kemudahan yang kurang, jadi mungkin terbatas di situ. Jadi factor itu adalah salah satu jugalah, yang dia kurang berminat untuk pergi ke sekolah.”

Luqman: “Adakah tentang masalah pembelajaran menyebabkan murid kurang berminat. Contoh melihat kaedah pengajaran sedia ada dan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 Adakah ada perbezaan, murid lebih berminat pada cara yang lama dengan cara yang baru ini?”

Guru: “Kalau murid ini dia tiada masalah sangat, sebab dia tidak tahu yang lama ataupun yang baru, biasanya dia akan terima apa sahaja sistem yang ada sekarang ini lah. Cuma kalau untuk sistem pendidikan sekarang ini, guru itu sendiri kena faham dan dia perlu kreatif. Macam mana dia mahu tarik minat pelajar untuk datang ke sekolah untuk belajar. Sekarang ini kita memang, sistem memang bagi saya dah sempurna, memang cantik. Cuma dari segi pelaksanaan dia itu, macam mana cikgu itu nak melaksana kan, ada cikgu ini yang bila dia mengajar, dia tak faham sepenuhnya tapi dia masih menggunakan cara lama. Dia masuk kelas, dia mengajar, apa yang dia ajar itu, jadi pengajaran pelajar pun orang kata pembelajaran satu hala, dia lebih macam itu. Tapi kalau cikgu yang betul kreatif, dia akan cuba create dan dia akan pelbagaikan cara pengajaran. Di situ bila pelajar dia macam berbeza dengan cara dia belajar di sekolah rendah, jadi dia akan seronok datang ke sekolah dan jadi dia berminat lagi untuk datang ke sekolah sebenarnya.”

Redho: “Kurang kasih sayang dan pemantauan dari ibu bapa. Adakah ini adalah faktor utama atau bagaimana?”

Guru: “Ok, kalau di sekolah saya sendiri lah kan. Memang faktor keluarga itu boleh saya simpulkan adalah faktor yang paling besar atau faktor yang utama. Kebanyakan keluarga yang dia stop pelajar-pelajar ini. Memang kebanyakan dia bukan tinggal bersama dengan ibu bapa, dia akan tinggal dengan nenek ataupun dengan saudara, kebanyakan nya memang bercerai lah ataupun ada yang ibu atau ayahnya meninggal. Jadi faktor yang orang kata kurang perhatian itu lah, dia kurang perhatian, so kalau kata bercerai, kebiasaannya mak ini akan pergi cari kerja, jadi anak ini akan terabai.”

Luqman: “Adakah perhatian dari guru dan ibu bapa sangat penting?”

Guru: "Itu gunanya PIBG, PIBG itu sangat penting. Kalau PIBG itu tidak hidup jadi macam mana cikgu nak cuba sampaikan masalah, cuba nak berbincang dengan ibu bapa, kalau ibu bapa pun tidak boleh beri kerjasama dengan guru, itu masalah untuk cikgu sebenarnya, masalah untuk sekolah, memang sangat ketara. Itu sebab setiap tahun perlu ada mesyuarat PIBG, disitu lah segala masalah, segala cadangan kita akan usul kan, tapi kalau mesyuarat PIBG, guru lebih ramai dari ibu bapa, itu sangat masalah. Tetapi ibu bapa ini kalau, sekarang ini ada bantuan daripada kerajaan, RM100 seorang pelajar, jadi bila tiba masa bantuan itu sampai. So ibu bapa ini, tanpa surat ataupun pengumuman, ibu bapa akan sampai ke sekolah itu. Tapi kalau dari segi pembelajaran anak anak ini, dia akan macam tidak ambil peduli. Ini saya ceritakan masalah yang berlaku di sekolah saya di Sabah. Memang kita tahu di Sabah ini, dari segi kewangan ekonominya itu rendah dan bukan dari golongan yang berada. Itu yang saya nampaklah. Kerja sama ibu bapa dan guru ini tidak berapa bagus dan ibu bapa lebih kepada kerjaya masing-masing. So, anak ini pergi ke sekolah dan tak pergi sekolah ini tidak di ambil tahu, itu sahaja yang boleh saya cakap.”

Shada: “Adakah betul pengaruh rakan sebaya boleh mempengaruhi masalah kecelaruan tingkah laku iaitu ponteng sekolah, apakah yang cikgu boleh terangkan dengan lebih jelas?”

Guru: “Memang tak dinafikan lah, pengaruh rakan tu sangat lah kuat, guru bagi arahan dengan rakan beri arahan, rakan punya arahan itu dia lebih terima berbanding dengan guru. Tapi, kalau rakan ini pun kena faham jugalah, kita lena tengok juga, ada kadang-kadang rakan ini juga boleh membantu dan ada juga rakan rakan yang mengajak ke arah benda yang negatif. Macam contoh saya ceritakan di

sekolah saya juga lah, memang pengaruh rakan itu sangat kuat, sebab macam saya cakap tadi. Ibu bapa memang kurang beri perhatian, jadi dengan rakan rakan itulah dia orang boleh untuk berkongsi masalah, tapi cara kadang-kadang itu tidak betul. So, dia orang ini lebih suka, mana kawan ajak pergi, mana kawan ajak pergi.”

Shada: “Pihak sekolah ada tak alternatif lain untuk mengasingkan, maksudnya untuk mengurangkan masalah pengaruh rakan sebaya kepada pelajar sekolah yang senang terpengaruh?”

Guru: “Di sekolah, kita buat macam kempen, macam macam cara, macam macam program kita buat supaya pengaruh rakan sebaya ini dapat diatasi, itu fungsi pembimbing rakan sebaya adalah salah satunya di sekolah lah kan. Pengaruh rakan sebaya ini akan cuba mengajak, cuba membimbing, cuba memberi nasihat kepada kawan yang telah terpengaruh ke arah negatif, dan itulah fungsi PRS. Sekarang ini memang sekolah, dari segi pengawas, PRS dan perwakilan pelajar itu memang kita sangat sangat mengharap kan kerjasama tiga organisasi ini untuk membantu pihak sekolah supaya boleh tarik pelajar yang suka ponteng sekolah supaya mereka dating balik ke sekolah.”

Hadi: “Pada zaman sekarang ini, teknologi sudah semakin canggih, adakah pelajar lebih mencari keseronokan adalah punca ponteng sekolah berlaku?”

Guru: “Ponteng sekolah pun seronok sebenarnya, cuma pengaruh rakan tadi itu lebih memainkan peranan, kalau rakan itu lebih orang kata berjaya menarik minat pelajar daripada guru, itu dia jadi yang berbeza lah, sebab itu kalau keseronokan ini disebabkan sekolah itu seronok, daripada duduk di rumah. Dari pengalaman saya sendiri adalah masa sekolah dulu pun, kalau duduk di rumah itu pun bosan, tak tahu nak buat apa. Lalu pergi sekolah, lebih seronok, kita ada kawan, kita ada macam macam aktiviti yang sekolah dah buat, so kalau keseronokan itu bagus pergi ke sekolah sebenarnya daripada duduk dekat rumah. Tapi kalau dengan sekarang ini kan, macam saya cakap kan tadi lah, makin canggih dengan gajet apa semua, jadi itu juga salah satu juga lah faktor berlakunya masalah ponteng sekolah. Dia lebih suka duduk di rumah, dan main game, melayari internet , so itu salah satu juga lah. Memang ad abila dari segi kajian yang dibuat di sekolah, gajet itu adalah salah satu masalah faktor yang menyebabkan dia tidak hadir ke sekolah, sebab kadang kadang pelajar main game sampai larut malam, jadi pagi susah nak bangun, jadi dia lebih seronok dengan benda benda macam itu. Itu adalah salah satu faktor lah, memang ada dalam kita punya kajian lah.”

Haziqah: “Peraturan sekolah yang terlalu ketat boleh menjadi punca kepada pelajar untuk ponteng sekolah, jadi apa yang cikgu boleh bahas tentang peraturan sekolah yang terlalu ketat?”

Guru: “Kalau nak cakap pasal peraturan ini kan, peraturan sekolah ini nak kata ketat dia akan jadi ketat, kalau kita fikir benda itu sangat menyukarkan. Contohnya kalau pergi sekolah , tak boleh buat itu, tak boleh buat ini, dia akan jadi ketat. Kalau kita pergi sekolah, kita ikut semua peraturan, dia akan jadi macam mudah. Datang sekolah pergi belajar, waktu rehat baru boleh pergi ke kantin, waktu sukan boleh bersukan. Tapi bila pelajar buat kesalahan , dia datang sekolah dengan baju nya di luar seluar, datang pula bawa rokok, bawa handfon. Jadi itu memang di tetap kan dalam peraturan tak boleh, tapi bila dia bawa, dia buat. Itu yang dia rasa ketat betul peraturan, sebenarnya peraturan tak terlampau ketat, peraturan itu memang tujuannya sebagai panduan untuk mendisiplinkan pelajar ini sendiri sebenarnya.”

Redho: “Juga ini dikatakan berbalik kepada faktor pengaruh rakan sebaya jugalah, adakah begitu?”

Guru: “Boleh jadi, macam di sekolah saya kan, bila waktu rehat akan ada pelajar pelajar yang cuba untuk ponteng, jomlah kita pergi ke belakang sekolah dan ada pelajar yang akan melakukan sesuatu yang melanggar peraturan sekolah, macam di sekolah saya ini kita dah ada CCTV, jadi senang untuk pihak sekolah untuk pantau. Cumanya itu lah yang macam saya cakap, kita bukan nak ketat kan peraturan, tapi kita nak memberi satu garis panduan, pelajar ini perlu patuh pada peraturan dan untuk mendisiplin kan pelajar itu sendiri.

Nazirul: “Adakah tekanan ekonomi atau peranan ekonomi keluarga juga menjadi factor kepada kecelaruan tingkah laku iaitu ponteng sekolah?”

Guru: “Kalau sekolah yang diluar bandar terutamanya di Sabah, memang ekonomi ataupun punca pendapatan itu adalah salah satu faktor juga, sebab dari segi orang kata pendapatan keluarga bukan macam keluarga yang senang. Memang kebanyakan pelajar ini dari keluarga yang susah. Ada dari nelayan, petani, pekerja di lading kelapa sawit. Itu memang salah satu faktor lah, bila pergi ke sekolah kadang kadang ada yang, kalau ada yang betul betul tak ada duit, dia akan datang jumpa cikgu “cikgu, saya tak ada duit”. Ok, cikgu pun boleh lah bagi dua atau tiga ringgit untuk duit makan. Kadang kadang, kalau macam di sekolah saya sendiri kan jarak di antara sekolah dengan kawasan kampung sangat jauh. Pelajar ini sendiri akan bayar sewa van, sewa bas, kalau tak bayar, pemandu bas tidak akan benarkan pelajar itu naik. Jadi bila tak dapat bayar, pelajar tidak dapat naik bas untuk pergi ke sekolah, selagi belum bayar, selagi itulah pelajar tidak dapat naik bas untuk pergi ke sekolah. Jadi itu merupakan satu faktor, kita memang sebagai unit disiplin dengan unit hal ehwal pelajar, PIBG, cuba cari juga bagaimana untuk mengatasi masalah ini, tapi kalau melibatkan kewangan keluarga kan, memang kita tak dapat nak bantu banyak lah, sebab PIBG pun bukan macam PIBG yang sebelah semenanjung ini memang banyak dalam tabung PIBG iaitu seratus ribu, dua ratus ribu. Yang sana nak dapat sepuluh ribu pu memang susah lah. Yuran kita kutip dua puluh ringgit ,tujuh puluh ringgit itu pun nak kutip puas lah orang kata, sangat susah lah daripada segi kewangan ini, memang ekonomi itu sangat orang kata salah satu faktor lah senang kata, memang ada pelajar yang tidak pergi ke sekolah, dia terpaksa pergi ke lading untuk cari duit sendiri, sampai macam tu. Dia pergi ke ladang, dia berkerja, dapat duit barulah dia pergi ke sekolah, memang ada yang ambil upah lah, ambil upah di ladang sawit, ambil upah yang pergi cari ikan sampai ada yang macam tu. Bukan pihak sekolah tak bantu, pihak sekolah memang membantu, tapi kalau kerap sangat nanti apa kata pelajar pelajar lain juga kan. Jadi kita kalau boleh ibu bapa sendiri lah, dia kena ambil peranan juga, dia kena bantu lah, jangan sebab dia tiada duit dia biarkan anaknya terabai.”

Nazirul: “Bagi cikgu, ekonomi bagi keluarga ini, ekonomi keluarga luar bandar atau ekonomi keluarga di bandar yang lebih mendidik anaknya untuk berjaya?”

Guru: “Luar bandar dan di bandar sama jer, kalau ibu bapa itu mengambil peranan masing masing, ada juga ibu bapa yang di luar bandar miskin, tapi bab pelajaran dia tekankan betul betul. Ada ibu bapa di bandar, duit banyak tapi anaknya terabai. Kau nak pergi sekolah, tak nak pergi sekolah nanti mama bagi duit, ok. Macam tu nak kata perbezaan antara luar bandar dan bandar ini adalah sama sahaja, cuma itulah, peranan ibu bapa itu sendiri. Kalau dia betul-betul ambil berat pasal pelajaran anaknya.”

Luqman: “Jadi antara masalah ponteng sekolah yang cikgu boleh simpulkan berdasarkan pengalaman cikgu sendiri, yang mana paling banyak memainkan peranan dalam ponteng sekolah bagi cikgu?. Atau pun punca?”

Guru: “Punca utama ketidak hadiran pelajar ke sekolah adalah kebanyakan adalah masalah keluarga. Daripada masalah keluarga, sampai sekarang ni pihak sekolah dah buat program cakna, program cakna ini kita akan kumpul bilangan pelajar yang melebihi bilangan harian yang sepatutnya. So, kita akan buat ziarah, macam ziarah kasih lah, kita pergi ke rumah, kita akan bawa sedikit sumbangan dan kita akan bincang masalah dia, kenapa dia tidak hadir. Kita cuba mendalami apa masalah dia sebenarnya. Saya sendiri pun seorang guru kelas, ada pelajar saya tu sekarang ni bulan tiga, sampai ketidak hadiran itu sampai melebihi tiga puluh hari. Memang kita, peraturan sekolah tetap peraturan sekolah lah, kita dah keluarkan surat amaran pertama, surat amaran ke dua. Jadi dengan ada program ini, so kita akan buat lawatan ziarah kasih, kita akan pergi ke rumah dia, kita akan tanya lah apa masalah yang dihadapi, kebanyakannya kalau kita pergi pun dia duduk dengan nenek, mak mana? mak pergi kerja, ayah? tak tahu. Kadang sampai ayah tak tahu mana pergi, ada yang macam tu. Dia bila dah bercerai, anak tu tak pernah pun jumpa ayahnya, ada yang macam tu.”

Luqman: “Ibu bapa ni memainkan peranan penting juga lah?”

Guru: “Ibu bapa adalah paling penting, jika dia betul-betul ambil berat dia akan membuatkan anaknya fokus dalam pembelajaran.”

Luqman: “Kalau ibu bapa pandai mengawal anaknya, maka masalah seperti ini mungkin tidak akan berlaku?”

Guru: “Kalau ibu bapa tegas, dia akan pantau dengan siapa anak dia berkawan, ke mana anak dia pergi. Tapi bila anaknya bebas nak pergi mana, bilik pun lewat malam dan ibu bapa pun tidak tahu, dan itu adalah masalah dan salah satu faktor utama ke tidak hadir. Memang saya boleh cakap masalah keluarga, untuk mendidik kita perlukan daripada awal, kalau nak sayang, kalau nak manjakan pun biarlah bertempat, jangan sampai bila dah naik dewasa, dah mula pijak kepala. Dan pada waktu itu kita dah tak boleh kawal.”

Luqman: “Sampai disitu sahaja soalan dari kami, terima kasih banyak kepada cikgu kerana sudi meluangkan masa.”

Guru: “Sama-sama, harap dapat membantu.”

5. Dapatan Kajian

Masalah yang sering berlaku dan meruncing di kalangan pelajar pelajar sekolah yang dapat dikaitkan dengan masalah kecelaruan tingkah laku adalah buli, merokok, vandalisme, terlibat dengan dadah, terlibat dengan gejala rempit, pembuangan bayi, dan ponteng sekolah. Ponteng sekolah adalah perkara yang tidak asing lagi di setiap sekolah, malah ponteng sekolah juga merupakan masalah yang serius yang menyebabkan tindakan pelajar akan terdorong mereka melakukan tindakan-tindakan yang tidak berfaedah seperti vandalisme, merokok, gejala rempit, melepak. Tidak hairan lah jika masalah ponteng perlu di elakkan dan perlu dibasmi di seluruh sekolah kerana hal ini akan menghanyutkan pelajar dalam melakukan masalah yang tidak bermoral. Semua pihak perlu memainkan peranan dalam membasmi masalah ponteng sekolah agar perkara yang lebih buruk tidak akan berlaku pada pelajar sekolah. Jika di beri pencegahan awal tentang masalah ponteng ini, mungkin masalah ponteng sekolah ini dapat dielakkan.

Faktor yang sinonim dengan masalah ponteng sekolah adalah pengajaran dan pembelajaran yang kurang sesuai ditunjukkan oleh guru dalam menyampaikan sesuatu pengajaran. Masalah ini boleh dikaitkan dengan penggunaan medium pengajaran yang kurang sesuai dan menyebabkan pelajar kurang berminat dalam pembelajaran dan berasa bosan dengan cara pengajaran guru yang menyebabkan pelajar mengambil jalan mudah untuk tidak berada di dalam kelas dan berlakunya masalah ponteng sekolah. Kemudahan prasarana di sekolah juga memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar dalam sesi pembelajaran, contohnya penggunaan alat bantu mengajar seperti LCD. Penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai juga dapat menarik minat pelajar dan penggunaannya juga akan lebih memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran kerana penggunaan medium ini lebih berfungsi berbanding menggunakan kaedah “*talk and chalk*”, kerana murid lebih suka sekiranya pengajaran menggunakan kepelbagaian warna.

Antara faktor lain yang menjadi penyebab berlakunya masalah ponteng sekolah adalah kurangnya perhatian dan kasih sayang dari ibu bapa terhadap pendidikan anak mereka. Perhatian daripada ibu bapa merupakan perkara yang sangat penting dalam menjamin kecemerlangan para pelajar, kerana kekurangan perhatian daripada ibu bapa juga menyebabkan masalah ponteng sekolah berlaku dan perhatian oleh ibu bapa dalam pembelajaran boleh di awasi dan dilihat dengan jelas kerana selalunya pelajar yang cemerlang merupakan dari kalangan pelajar yang sering diberi perhatian oleh ibu bapa mereka. Selain dari pada ibu bapa, guru juga merupakan individu penting dalam mengurangkan masalah ponteng sekolah berlaku, kerana pemantauan yang lebih ditunjukkan oleh guru di sekolah dapat memberikan kegembiraan kepada pelajar agar gembira untuk belajar dan suka untuk datang ke sekolah. Sebarang masalah berkaitan pelajar dapat diatasi dengan lebih baik sekiranya ibu bapa dan guru dapat duduk sekali untuk berbincang dalam mengatasi masalah pelajar seperti program yang dilakukan di seluruh sekolah iaitu PIBG.

Selain itu, pengaruh rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang menyebabkan masalah ponteng sekolah berlaku, kerana rakan merupakan individu yang paling dekat dengan pelajar di

sekolah, bahkan juga di rumah. Pengaruh rakan sebaya adalah perkara yang paling ditakuti oleh pihak sekolah kerana dengan pengaruh rakan sebaya ini lah akan menyebabkan perkara yang menyalahi undang-undang sekolah oleh pelajar akan berlaku, namun pengaruh rakan sebaya juga dapat di bahagi kepada dua iaitu pengaruh ke arah negatif dan juga terdapat pengaruh rakan sebaya ke arah yang positif seperti rakan mengajak rakannya untuk melakukan perkara yang boleh membanggakan nama sekolah dan memberi manfaat kepada pelajar itu sendiri dan pelajar lain. Tidak hairanlah jika organisasi seperti pengawas, badan perwakilan pelajar dan persatuan pembimbing rakan sebaya ditubuhkan di seluruh sekolah di negara ini, kerana dengan adanya organisasi seperti ini dapat memberikan impak kepada pelajar di sekolah untuk tidak menyalah gunakan rakan sebaya sebagai perkara yang membawa ke arah negatif.

Kecanggihan teknologi pada era globalisasi ini juga menjadi penyebab pemangkin ke arah gejala ponteng sekolah yang kerap kali berlaku di sekolah, kerana teknologi akan membuatkan para pelajar lalai dengan dunia maya dan mengabaikan masa yang berharga sekiranya masa tersebut digunakan sebaik mungkin untuk mengulang kaji pelajaran dan membuat perkara yang bermanfaat, hal ini juga dapat dielakkan jika pelajar itu sendiri pandai dalam mengurus dan pandai memanfaatkan teknologi sebagai satu platform yang berguna. Ponteng sekolah akan berlaku sekiranya pelajar tidak dapat menggunakan sebaik mungkin teknologi sebagai pembantu dalam pembelajaran, kerana pelajar yang bijak dapat mengawal penggunaan teknologi tanpa terpengaruh dengan perkara yang membolehkan masalah lain berlaku seperti bermain permainan di dalam telefon bimbit pada lewat malam dan menyebabkan pelajar sukar untuk bangun pagi dan akan menyebabkan pelajar akan tidak hadir ke sekolah keesokan harinya.

Antara faktor yang juga dapat dikaitkan dengan masalah ponteng sekolah adalah peraturan sekolah yang telah disalah ertikan oleh pelajar, pelajar yang berfikir peraturan sekolah ini sebagai suatu peraturan yang berat untuk mereka ikuti. Maka perkara seperti ponteng sekolah ini akan terjadi, dan sekiranya hal peraturan sekolah ini diikuti dengan baik oleh pelajar dan selagi pelajar tidak melanggar peraturan sekolah nescaya perkara menyalah ertikan peraturan sekolah sebagai penyebab mereka ponteng sekolah akan dapat dielakkan dengan sewajarnya. Peraturan sekolah sebenarnya untuk membantu para pelajar agar meningkatkan tahap pemikiran pelajar dan memberi garis panduan agar pelajar dibiasakan dengan amalan disiplin yang juga berguna pada masa yang akan datang. Hal ini juga dapat diubah sekiranya minda dan pemikiran pelajar dapat di didik daripada awal agar masalah peraturan sekolah ini tidak lagi berlaku, pemikiran seperti ini tidak seharusnya ada di dalam diri seseorang pelajar kerana hal ini boleh diubah oleh pelajar itu sendiri.


Akhir sekali adalah peranan ekonomi keluarga yang rendah juga menjadi penyebab kepada masalah kecelaruan tingkah laku seperti masalah ponteng sekolah berlaku. Peranan ekonomi selalu dikaitkan dengan pelajar bermasalah dan selalu dijadikan penyebab bagi pelajar, namun peranan ekonomi keluarga yang rendah juga dapat di jadikan pemangkin bagi pelajar untuk mengubah corak kehidupan mereka pada masa hadapan dan juga dapat mengubah ekonomi keluarga agar tidak lagi terbeban dengan masalah kewangan dengan cara belajar bersungguh-sungguh agar cemerlang dalam pelajaran dan berjaya mendapat pekerjaan yang dapat memberikan kesenangan kepada diri sendiri dan keluarga. Seperti yang kita tahu bahawa kehidupan memerlukan wang ringgit, tapi kewangan tidaklah dijadikan sebagai batu penghalang kepada seseorang murid untuk mereka berjaya dan dijadikan penyebab bagi mereka tidak mengendahkan tentang pelajaran mereka kerana peluang untuk belajar di sekolah merupakan peluang yang sangat terhad kepada usia setiap manusia.

Kesimpulan dari permasalahan kecelaruan tingkah laku pelajar iaitu masalah ponteng sekolah dapat dielakkan sekiranya pihak sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar mengambil peranan masing-masing agar perkara seperti ponteng sekolah seperti ini tidak lagi berlaku dikalangan pelajar sekolah, kerana hal ini tidak sahaja menjadi permasalahan yang besar terhadap sekolah malah hal ini juga akan berkait rapat dengan diri pelajar itu sendiri dan ibu bapa sekiranya pencegahan awal tidak dilakukan agar masalah ponteng sekolah ini dapat ditangani di setiap sekolah. Faktor yang paling menonjol dalam masalah ponteng sekolah ini adalah peranan ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka terus diberi perhatian yang sewajarnya agar tidak melakukan perkara yang merosakkan diri mereka sendiri dan melakukan perkara yang menyalahi peraturan sekolah dan undang-undang, kerana perhatian dan pemantauan terhadap murid tidak hanya terletak dibahu guru seratus peratus, malah perhatian dan pemantauan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka juga dapat mengawal anak mereka daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah.

6. Perbincangan

Mengikuti teori ekologi yang diperkembangkan oleh Urie Bronfenbrenner. Teori perkembangan ekologi adalah teori yang menekankan pengaruh persekitaran ke atas perkembangan individu. Teori Ekologi Bronfenbrenner [8] menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak adalah sebagai hasil interaksi antara alam persekitaran dengan kanak-kanak tersebut. Dalam konteks ini, interaksi antara kanak-kanak dengan persekitaran kanak-kanak itu dipercayai boleh mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Merujuk kepada konsep di dalam teori ini, sama ada kita menyedarinya atau tidak kanak-kanak yang merupakan individu yang berada dalam ruang lingkup mikro (berpusat di tengah) boleh dipengaruhi oleh faktor persekitaran.

Dalam teori ini menyatakan bahawa proses perkembangan dan pertumbuhan yang terangkum dalam sistem persekitaran itu mementingkan interaksi antara satu sama lain. Menurut Bronfenbrenner terdapat 5 sistem yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak yang dibentangkan pada Rajah 1.



Rajah 1. Sistem yang Mempengaruhi Perkembangan Kanak-Kanak.

Bronfenbrenner [8] menyatakan persekitaran perkembangan individu terdiri daripada lima sistem iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Jadi, Rajah 1 menunjukkan tentang hubungan antara kelima-lima sistem persekitaran tersebut. Kelima-lima sistem persekitaran tersebut memberikan kesan kepada ibu bapa, guru, rakan – rakan dan persekitaran luar kepada pelajar sekolah.

Seperti keputusan dapatan kajian dari hasil temu bual, faktor ibu bapa ialah faktor yang utama sekali dalam mengawal anak – anak mereka. Termasuk guru juga, sebagai pembimbing pelajar – pelajar di sekolah dalam membantu berkaitan tentang pelajaran mahupun masalah keluarga yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Jika merujuk kepada teori ekologi, faktor mikrosistem melibatkan

persekitaran yang terdekat di mana kanak-kanak mempunyai interaksi secara dan menghabiskan paling banyak masa. Contohnya interaksi kanak-kanak di dalam keluarga iaitu dengan ibu bapa dan adik beradik. Interaksi antara rakan, jiran serta guru terlibat dalam proses perkembangan kanak-kanak.

Keluarga terutamanya ibu bapa merupakan agen sosialisasi paling penting dalam kehidupan seseorang kanak-kanak itu dan sebagai individu terdekat atau berhampiran dengan kehidupan seorang kanak-kanak, mereka mempunyai pengaruh besar ke atas tingkah laku kanak-kanak. Sebagai contoh, kajian di dalam dan di luar negara menunjukkan bahawa faktor persekitaran seperti penglibatan ibu bapa secara aktif mempunyai kesan langsung ke atas semua aspek perkembangan kanak-kanak [9].

Seorang ahli Antropologi, George Peter Murdock menakrifkan bahawa keluarga adalah satu kelompok sosial yang tinggal di bawah satu bumbung, mempunyai kerjasama dalam kegiatan ekonomi dan menambah zuriat [10]. Faktor keadaan keluarga dan taraf sosio-ekonomi sesebuah keluarga akan mencorak kehidupan seorang kanak-kanak. Kegagalan ibu bapa sendiri untuk membetulkan keadaan anak-anak mereka akan menyebabkan anak-anak ini tidak lagi menghormati mereka. Dalam kajian yang lain pula, Ting [11] mendapati tahap penglibatan ibu bapa luar bandar berada pada tahap yang rendah. Tidak hairan jika sebelum ini Berger [12] melalui kajiannya menyatakan wujudnya kepelbagaian model peranan ibu bapa untuk membantu proses pembelajaran kanak-kanak di sekolah.

7. Simpulan

Maka jelaslah bahawa institusi keluarga memainkan peranan yang penting sebagai pembentuk sahsiah anak-anak. Ibu bapa haruslah membimbing, memahami dan menyelami kehendak jiwa remaja serta berfikiran terbuka. Ini akan mendorong kepada kewujudan suasana harmonis. Malah, fungsi PIBG yang ditubuhkan di setiap sekolah adalah untuk memastikan segala perkara yang berkaitan tentang pelajar – pelajar dapat dikenalpasti dan meningkatkan lagi prestasi tentang kehadiran, pelajaran pelajar serta prestasi guru dan sekolah juga akan meningkatkan kerana ia mempunyai hubungan antara satu sama lain seperti teori ekologi iaitu Mesosistem merupakan perhubungan antara mikrosistem dengan mikrosistem yang lain.

Sebarang perkara yang berlaku dalam satu mikrosistem dapat mempengaruhi interaksi dengan mikrosistem yang lain. Sebagai contoh, keadaan di rumah dapat mempengaruhi tingkah laku dan personaliti seseorang individu ketika berada di sekolah. Individu yang mempunyai masalah di rumah akan membawa masalah tersebut ke sekolah. Hal ini akan menyebabkan emosi mereka terganggu dan implikasinya ialah masalah tersebut akan menjejaskan pelajaran mereka.

Rujukan

- [1] Mahmood, Hussein. (1993). *Kepemimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [2] Hasnan, H. A. (2018, Mac 21). Ponteng Sekolah Catat Rekod Tertinggi Salah Laku Disiplin 2017. *Astro Awani*. Diperoleh dari <http://www.astroawani.com>.
- [3] Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- [4] Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli & Vinothini Krishnan. (2011). Perkaitan Antara Gejala Ponteng, Kelas dan Kokurikulum dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah Daerah Skudai, Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*, 54:25-50.
- [5] Ee, Ah Meng. (1991). *Psikologi Perkembangan: Aplikasi dalam Bilik Darjah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- [6] Zahri, M. H. (2000). *Faktor-Faktor yang Menyebabkan Ponteng Sekolah di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Luar Bandar dalam Daerah Kuala Kangsar, Perak*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- [7] Piaw, Chuan Yan. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistic Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- [8] Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- [9] MacNaughton, G. (2005). *Doing Foucault in early childhood studies: Applying poststructural ideas*. New York: Routledge.

- [10] Goode, R. B. (1959). Adding to the Stock of Physical and Human Capital. *The American Economic Review*, 49: 147–55.
- [11] Ting, Len Siong. (2005). Penglibatan Ibu Bapa Pelajar Luar Bandar dalam Membantu Anak Belajar di Rumah. *Dalam Seminar Penyelidikan Maktab-Maktab Zon di Timur Kota Bharu*.
- [12] Berger, E. H. (1995). *Parents as Partner in Education: Families and School Working Together*. Columbus, OH: Prentice Hall.